

0200013039

SISTEM WARISAN PUSAKA
PERBANDINGAN ANTARA UNDANG-UNDANG
ISLAM DAN
ADAT PERPATIH

MOHD SALLEHUDDIN BIN MAARUF

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

PENGAKUAN

“Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

.....

.....

MOHD SALLEHUDDIN MAARUF

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya penulis dapat menyiapkan kajian yang tidak seperti ini dengan penuh ketabahan dan ketekunan.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia-penyelia yang terlibat iaitu Encik Shamsudin Shor, Puan Noraziah Hj. Mohd Awal dan Dr. Ali Baharun, kesemuanya pensyarah Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia, atas nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sehingga kajian ini dapat disiapkan.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Perpustakaan undang-undang, Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institut Bahasa, Kebudayaan Dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan rujukan yang diperlukan bagi tujuan menyiapkan kajian ini.

Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan bantuan, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penulisan ini.

Bangi,
10hb Mac, 1990

Mohd Sallehuddin Bin Maaruf

SINOPSIS

Adat Perpatih dan Islam merupakan dua kuasa yang menyusun struktur dan cara hidup masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan Naning di Melaka. Dua kuasa ini pertindanan antara satu sama lain, lantas menimbulkan ketegangan dan percanggahan antara kedua-duanya, khususnya dalam hal perwarisan.

Penulis menggunakan pendekatan perbandingan dalam membicarakan hal perwarisan dengan tumpuan kepada masyarakat Melayu Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Bab I membicarakan tentang latar belakang sejarah perwarisan Islam dan Adat Perpatih. Pemakaian Islam dan adat dalam masyarakat Melayu serta penyesuaian Islam dengan adat turut diperbincangkan dalam bab ini.

Bab II membincangkan tentang konsep harta menurut undang-undang Islam, Adat Perpatih dan undang-undang Sivil serta perbandingan antara ketiga-tiganya.

Bab III memperkatakan perihal unsur-unsur perwarisan dalam undang-undang Islam dan Adat Perpatih dan perbandingan antara kedua-duanya.

Dalam bab IV, beberapa cadangan disyorkan untuk mengatasi masalah-masalah yang wujud dan seterusnya membuka jalan kepada masyarakat untuk melaksanakan sistem Faraid. Akhir sekali, di dalam bab ini juga, penulis membuat rumusan terhadap perbincangan-perbincangan yang telah diadakan dalam bab-bab di atas sebagai kesimpulan kepada penulisan ini.

SYNOPSIS

Adat Perpatih and Islam are the two forces which administered the life and structure of Malay society in Negeri Sembilan and Naning in Malacca. These two forces intermingled with each other, thus produce stress and conflict between each value, especially in the matter of inheritance.

The writer has taken a comparative approach to discuss the discipline of inheritance among Malay society in the state of Negeri Sembilan.

Chapter I contains the historical background of inheritance in Islam and Adat Perpatih. General discussion on the application of Islam and adat in Malay society and Islam being modified to fit adat are also included therein.

Chapter II outlines the concept of estates according to Islamic law, Adat Perpatih and Civil law, together with its comparisons.

Chapter III points out the elements of inheritance in Islam and Adat Perpatih and its comparisons.

In chapter IV, a few suggestions and proposals are advanced to eradicate the existing problems and thus, to steer the society to the use of Islamic law of inheritance. Finally, the said chapter summarizes points from each chapter in view of concluding this writing.

KANDUNGAN

Pengakuan.....	ii
Penghargaan.....	iii
Sinopsis.....	v
Synopsis.....	vii
Daftar Jadual/ Rajah.....	xii
Senarai Singkatan.....	xiii
Senarai Kes.....	xiv
Senarai Statute.....	xv
Pendahuluan.....	xvi
Metodologi Kajian.....	xix

BAB I

1. Sejarah Perundangan Dan Latar Belakang Undang-Undang Warisan Islam.....	1
a) Amalan Adat Sebelum Dan Dalam Islam.....	1
b) Sistem Pusaka Sebelum Islam Dan Pembaharuan- Pembaharuan Islam.....	5
2. Sejarah Perundangan Dan Latar Belakang Adat Perpatih.....	8
a) Asal-Usul Serta Kemasukannya Ke Tanah Melayu (Negeri Sembilan) dan pengaplikasiannya.....	8
b) Sistem Adat Perpatih.....	13
3. Islam Dan Adat Dalam Masyarakat Melayu.....	16
4. Islam Dan Penyesuaiannya Dengan Adat.....	19

BAB II

1. Konsep Harta.....	34
a) Konsep Harta Menurut Islam.....	34
b) Konsep Harta Menurut Adat.....	39
c) Konsep Harta Menurut Undang-Undang Sivil.....	42
2. Perbandingan.....	47

BAB III

1. Unsur-Unsur Perwarisan Islam.....	58
a) Sumber Hukum Islam.....	58
b) Asas Hukum Waris.....	60

c) Harta warisan.....	63
d) Ahli Waris Dan Hak-Hak Mereka.....	65
2. Unsur-Unsur Perwarisan Adat Perpatih.....	79
a) Harta Warisan.....	79
b) Asas Hukum waris.....	83
c) Ahli Waris.....	86
d) Cara Perwarisan.....	89
3. Perbandingan.....	92

BAB IV

1. Masalah Dan Cadangan.....	107
2. Rumusan.....	116
Senarai Rujukan.....	123

Daftar Jadual/ Rajah

1. Rajah 3.1.4 (a) – Ahli Waris
2. Jadual 3.1.4 (b) – Fardu (bahagian) ahli waris.

Senarai Singkatan

Anor	Another
B./ b.	Bin
Bt./ bt.	Binti
Co.	Company
Dr.	Doktor
Dec.	Deceased
Hal.	Halaman
Ibid.	Di tempat yang sama
Jil.	Jilid
JMCL.	Journal of Malaysian Comparative Law
JMBRAS	Journal of Malayan Branch royal Asiatic Society
Lwn.	Lawan
MLJ.	Mapayan Law Journal
MLR.	Malaya Law Review
Op. cit.	Dalam karya tersebut

Senarai Kes

Kiah Bt. Hanapiah lawan Som Bt. Hanapiah (1953) 19 MLJ 82.

Kiah lawan Amah (Taylor: Customary Law of Rembau, 253)

Re Dato' Ngiang Kuloo Kidal Dec. (Taylor: Customary Law of Rembau, 92)

Tan Cheng Hock lawan Chan Thean Soo & Anor (1987) 2MLJ 479.

The Shell Company Of The Federation Of Malaya lawan Commissioner Of The Federal Of Kuala Lumpur (1964) 30 MLJ 302.

United Malayan Banking Corporation lawan Official Receiver And Liquidator Of Soon Hup Seng Sdn. Bhd. (in liquidation) & Anor. (1986) 1 MLJ 75.

Senarai Statute

Akta Pusaka Besar 1955.

Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

Akta Pindaan Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang Dan Melaka) 1965.

Akta Undang-undang Sivil, 1956.

Enakmen Pemegangan Tanah Adat (Customary Tenure Enactment) 1909.

'Interpretation Act' (Consolidated And Revised 1989) 1967.

Kanun Tanah Negara 1965.

Perlembagaan Persekutuan.

Pendahuluan

Setiap masyarakat di dunia ini pasti mempunyai sistem yang tersendiri. Malaysia sendiri tidak dapat lari daripada hakikat ini, malah sistem perundangan Malaysia bersifat lebih unik, kerana ia ditadbirkan melalui beberapa jenis undang-undang seperti undang-undang Sivil (Common Law dan Statute), undang-undang Islam serta undang-undang Adat (seperti Adat Perpatih, Adat Temenggung, Adat 99 Perak dan mendapat pengiktirafan mahkamah dan telah diamalkan sejak berzaman lagi.

Masyarakat Adat Perpatih secara amnya turut membina struktur masyarakat mereka berpandukan kepada ketiga-tiga sumber undang-undang di atas. Sementara dalam hal perwarisan, mereka lebih bertumpu kepada pemakaian adat dan Islam yang telah bertumpu disesuaikan dengan adat.

Sebagaimana tajuk penulisan ini: 'Sistem Warisan Pusaka, Perbandingan Antara undang-Undang Islam Dan Adat Perpatih', penulis cuba mengetengahkan ketegangan atau konflik yang wujud antara kedua-dua sistem ini dan seterusnya cuba memberikan jalan penyelesaian yang sebaik mungkin. Dalam pada itu, penulis mengajak para pembaca amnya dan masyarakat Adat Perpatih khususnya berfikir tentang persoalan ini dan seterusnya mengajak mereka supaya lebih condong kepada pengamalan sistem Faraid Islam. Bagaimanapun, penulis bukan bertujuan untuk menggalakkan masyarakat Adat Perpatih untuk terus meninggalkan adat yang jelas bertentangan dengan adat. Ini adalah kerana penulis percaya bahawa tidak kesemua adat itu bertentangan dengan Islam dan seperkara lagi, Islam sendiri menerima adat yang tidak bertentangan dengannya.

Walaupun terdapat beberapa penulisan berkaitan dengan persoalan yang di bawah ini, namun penulis merasakan tidak banyak perbincangan yang berbentuk akademik mengenainya. Oleh itu penulis telah memilih tajuk itu untuk meluaskan penulisan yang sedia ada dan seterusnya mengekalkan kesinambungannya. Penulis juga berharap agar masyarakat kampus (terutama yang berasal dari Negeri Sembilan) khasnya dapat menghayati penulisan ini sepenuhnya kerana merekalah yang akan menjadi pemimpin dan nadi penggerak kepada masyarakat.

Akhir sekali, penulis memohon maaf jika terdapat sebarang kelemahan dalam menulis dan menyusun penulisan ini, kerana sebagai manusia kerdil, kita tidak sesempurnanya.

Metodologi Kajian

Bagi tujuan memperoleh maklumat yang diperlukan untuk kajian ini, penulis menggunakan dua kaedah utama pengumpulan maklumat, iaitu:

- a) Kaedah temu bual.
- b) Kaedah rujukan sumber bercetak.

A. Kaedah Temu Bual

Kaedah ini merupakan satu kaedah pengumpulan yang penting bagi mendapatkan maklumat terkini, gambaran serta pandangan terhadap soal persoalan kajian ini daripada masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kaedah ini bertumpu kepada penduduk setempat di kampung Talang di Kuala Pilah, kampung Sungai Machang Hilir di Mantin, Seremban dan di sekitar daerah Seremban. Penulis memilih ketiga-tiga kawasan ini kerana, penduduk setempatnya mengamalkan Adat Perpatih mengikut tahap darjah yang berlainan.

Keseluruhan kaedah ini dilakukan secara 'informal' kerana sifat persoalan perwarisan yang sensitif. Seperkara lagi, kaedah temu bual secara 'informal' ini lebih memudahkan penulis mendekati penduduk setempat dan seterusnya mendapatkan maklumat dari mereka.

B. Kaedah Rujukan Sumber Bercetak

Penulis merujuk kepada bahan maklumat bercetak yang terdapat di beberapa buah perpustakaan. Perpustakaan yang menjadi tempat rujukan utama ialah Perpustakaan Undang-Undang, Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institusi bahasa, Kebudayaan Dan Kesusasteraan Melayu. Kesemua perpustakaan di atas terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Oleh sebab kajian ini bersifat kajian ini bersifat kajian kepada konsep perwarisan dalam undang-undang (dengan Pengkhususan kepada undang-undang Islam dan Adat Perpatih), maka kebanyakan rujukan lebih bertumpu kepada buku, jurnal, keratan akhbar dan juga kertas kerja seminar yang diadakan.

Bahan-bahan ini bukan sahaja memberi maklumat penting kepada penulis tetapi juga membantu penulis untuk memahami secara lebih terperinci tentang kajian ini.

BAB III

Unsur-Unsur Perwarisan Islam.

1. Sumber Hukum Islam.

Di dalam istilah Ilmu Fiqh, warisan disebut sebagai faraid yakni bahagian hukum yang khusus mengatur urusan warisan seseorang yang meninggal dunia. Ia menetapkan apa yang dinamakan sebagai harta peninggalan si mati, dasar pembahagian serta cara menghitung pembahagian tersebut. Ia menjadi amat penting dan digolongkan dalam fardu kifayah.

Adapun sumber utama hukum pusaka Islam ialah al-Quran, Hadis dan Ijmak. Al-Quran sendiri bagaimanapun hanya meletakkan dasar-dasar umum manakala Hadis dan Ijmak kemudiannya menghurai secara terperinci.

Ayat-ayat al-Quran yang sering dijadikan nas adalah:

- a) Surah An-Nisa' : 7, yang bermaksud: untuk lelaki ada bahagian Pesaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian Pesaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu, iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah).^{1a}
- b) Sementara Surah An-Nisa' ayat-ayat 11 dan 12 memperincikan tentang bahagian pusaka tersebut dan 13 dan 14 menyatakan tentang nikmat terhadap orang yang mematuhi perintah Allah dan apa yang disediakan olehNya.^{1b}

Sementara hadis yang menyentuh tentang Faraid ialah:

- a) Hadis dari Jabir diriwayatkan oleh Abu Daud, al-Tarmizi dan Ibn Majah dan Ahmad adalah merupakan Hadis pertama menyentuh tentang Faraid. Janda Sa'ad Ibn Rabi' datang kepada Rasulullah S.A.W. bersama dengan dua orang anak perempuannya, lalu berkata:

“ Ya Rasulullah, ini dua orang anak perempuan Sa'ad yang telah gugur dalam peperangan di Uhud. Bapa saudara mereka telah mengambil harta peninggalan ayah mereka tanpa memberikan apa-apa untuk mereka. Keduanya tidak mungkin kahwin tanpa harta. Nabi berkata: “Allah akan menetapkan hukum dalam kejadian ini”. Sesudah itu turunlah ayat-ayat tentang kewarisan. Kemudian Nabi S.A.W. memanggil bapa saudara dan berkata:

“Berikanlah dua pertiga untuk dua orang anak Sa’ad, seperlapan untuk jandanya dan bakinya untuk kamu”.

b) Hadis Nabi dari Ibnu Abbas riwayat Al-Bukhari dan Muslim:

“ Berikanlah faraid (bahagian yang telah ditentukan dalam al-Quran) kepada yang berhak menerimanya dan selebihnya berikan kepada keluarga lelaki yang terdekat”.

Dan sumber yang terakhir ialah Ijmak yang memperincikan apa yang dinyatakan secara umum oleh al-Quran dan Hadis. Ia merupakan kesamaan pendapat semua mujtahid dalam usaha mendapat dan merumus hukum sama ada ia Ijmak ‘sarih’ atau ‘sukuti’.²

2. Asas Hukum Waris.

Asas-asas ini dapat dirumuskan dari keseluruhan ayat-ayat al-Quran dan penjelasan tambahan oleh Hadis dan Ijmak. Antara asas-asas tersebut ialah:

a) Asas Ijbari.

Ia bermaksud berlaku dengan sendirinya menurut kehendak Allah tanpa bergantung kepada kehendak si mati atau ahli waris. Dalam istilahnya ditujukan kepada ahli waris yang mendapat bahagian harta pusaka menurut ketetapan al-Quran dan Hadis.

Asas ini dapat dilihat dari firman Allah di dalam Surah An-Nisa’, ayat 7, yang bermaksud:

“Orang-orang lelaki ada bahagian Pesaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian Pesaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu, iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)”.

Perkataan ‘bahagian’ dapat difahami sebagai jumlah yang telah ditentukan untuk ahli waris tanpa perlu si mati menjanjikan apa-apa bahagian dan tidak perlu ahli waris meminta haknya. Dari segi jumlah dan ahli-ahli waris yang berhak telah dinyatakan melalui Surah An-Nisa’ ayat-ayat 11, 12 dan 176.³

b) Asas Bilateral.

Ini bererti, seseorang menerima hak perwarisan dari kedua belah pihak menurut garis kerabat lelaki dan perempuan. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam Surah An-Nisa ayat-ayat 7, 11, 12 dan 176.

Ayat 7, merupakan asas kepada kewarisan bilateral itu, di mana, perempuan dan lelaki mendapat bahagian dari kedua ibu bapanya. Secara terperinci asas ini dapat difahami dalam ayat-ayat selanjutnya.

Ayat 11 menegaskan:

- i. Anak perempuan berhak menerima warisan dari ibu bapa sebagaimana didapati oleh anak lelaki dengan bandingan anak lelaki mendapat dua bahagian daripada anak perempuan.
- ii. Ibu berhak mendapat seperenam atau sepertiga dari anaknya dan bapa berhak kepada seperenam.

Ayat 12 menjelaskan:

- i. Isteri mendapat seperempat ($\frac{1}{4}$) atau seperlapan ($\frac{1}{8}$).
- ii. Saudara lelaki dan perempuan berhak mendapat warisan bila si mati tidak meninggalkan anak atau bapa.

Sementara ayat 176 menjelaskan seakan keadaan yang serupa dengan ayat 12 di atas, Cuma terdapat sedikit perbezaan dari segi pembahagian harta warisan saudara lelaki dan perempuan.⁴

c) Asas Individual.

Ini bererti, harta warisan dapat dibahagi-bahagi untuk dimiliki secara perseorangan tanpa terikat kepada ahli waris yang lain. Ini berdasarkan kepada ketentuan bahawa setiap insan dari segi peribadi mempunyai kemampuan untuk menerima hak dan menjalankan kewajipan, yang dalam istilah Usul Fiqh disebut 'ahliyat al wujud'.

Sifat ini dapat dikaji aturan-aturan al-Quran yang menyatakan akan perihal itu. Ayat 7 Surah An-Nisa' menjelaskan akan hak-hak lelaki dan perempuan dan ayat-ayat 11, 12 dan 176 menjelaskan secara terperinci hak masing-masing menurut bahagian yang tertentu dan pasti.

Ini adalah ketentuan yang mengikat dan wajib dijalankan oleh setiap orang Islam dengan hukuman yang berat menanti mereka, jika mereka mengenyepikannya.⁵

Asas ini membuatkan mereka bebas untuk bertindak atau berbuat sesuatu terhadap harta tersebut. Dan ahli-ahli waris yang tidak cukup syarat⁶ untuk mengendalikan harta tersebut maka warisan mereka diletak di bawah pemegang amanah.

3. Harta Warisan.

Harta warisan menurut pengertian bahasa Arabnya bermaksud, apa yang ditinggalkan oleh si mati, baik yang merupakan harta benda mahupun yang merupakan warisan. Sementara menurut hukum Islam ialah segala sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati yang secara hukum dapat beralih kepada ahli warisnya. Ini mesti dibezakan antara harta peninggalan dan harta warisan. Harta peninggalan ialah

apa yang berada pada seseorang pada saat kematiannya, sedangkan harta warisan ialah harta yang berhak diterima dan dimiliki oleh ahli waris.⁷

Hak dan harta merupakan dua jenis perwarisan yang boleh diwarisi. Para ulama bersependapat bahawa hak-hak yang dapat diwariskan adalah:

- a) Hak-hak yang dapat dinilai dengan harta seperti hak melalui jalan.
- b) Tidak dapat diwariskan iaitu hak-hak yang bersifat peribadi seperti hak pemeliharaan anak.
- c) Hak yang tidak dapat ditentukan sama ada bersifat peribadi atau kebendaan seperti hak 'kiyar'.

Kebanyakan ulama-ulama termasuk keempat-empat mazhab Shafie, Hambali, Hanafi dan Maliki bersepakat menyatakan bahawa harta yang boleh diwarisi itu terdiri daripada:

- a) Harta boleh alih, sama ada yang dipunyai (acquisition) oleh si mati atau tidak seperti pemegang pajakan.
- b) Duit hak si mati yang tidak dapat dikutip semasa masa kematiannya seperti hasil daripada 'waqf' atau hutang.
- c) Hak yang tidak berbentuk duit (wang) tetapi dapat dinilai dengan wang seperti hak gadai janji.⁸

Bagaimana, harta yang ditinggalkan oleh si mati tertakluk kepada bayaran-bayaran berikut:

- a) Belanja pengkebumian mengikut adat si mati.
- b) Hutang-hutang si mati.
- c) Wasiat yang dibuat oleh si mati.
- d) Bahagian-bahagian harta terhadap ahli waris, jika tiada ahli waris maka harta tersebut balik kepada Baitul Mal.⁹

Sementara Anuar Ahmad Qadri menambah syarat kelima iaitu bayaran yang perlu dibuat terhadap jenis harta seperti hak milik atau gadaian.¹⁰ Dan Mahiudin Abu Zakaria Yahya Ibn Sharif En-Nawawi berpendapat bahawa tuntutan khas seperti cukai kebajikan, harga darah, pengembalian barangan yang telah dijual dan tidak dibayar dalam kes bankrap, mesti didahulukan daripada belanja pengkebumian.¹¹

Maliki, Shafie dan Hanafi berpendapat bahawa pembayaran hutang mesti diutamakan daripada belanja pengkebumian.

Oleh yang demikian, ahli waris hanya memperolehi habuan harta yang bersih daripada segala bayaran di atas. Kewajipan ahli waris hanya sekadar menjelaskan bayaran-bayaran tersebut dengan harta peninggalan tersebut dan tidak ada kewajipan ahli waris untuk menjelaskannya dengan hartanya sendiri.

4. Ahli Waris Dan Hak-Hak Mereka.

Apabila seseorang Islam meninggal dunia maka segala harta benda yang dimiliki ketika hayatnya mesti dibahagikan kepada waris yang berhak menerimanya.

Perkara ini dijelaskan oleh Allah dalam Surah An-Nisa' ayat 7 yang bermaksud:

“ Untuk lelaki ada bahagian daripada yang ditinggalkan oleh ibu bapa dan keluarga yang terdekat, dan untuk perempuan ada bahagian daripada yang ditinggalkan oleh ibu bapa dan keluarga yang terdekat, daripada (peninggalan) yang sedikit atau banyak, bahagian yang telah ditetapkan”.

Ayat di atas berbentuk mandatori, apabila seseorang meninggalkan dunia, harta benda yang ditinggalkannya hendaklah dibahagikan kepada waris sama ada lelaki atau perempuan.

Perkataan waris berasal dari Bahasa Arab 'Warits' yang bererti, yang tinggal atau yang kekal.¹²

Timbulnya ahli waris disebabkan oleh empat faktor utama:

Melalui nikah atau perkahwinan.

Melalui nasab atau hubungan darah (kekeluargaan).

Wala', yakni orang yang telah memerdekakan hambanya adalah ahli waris bagi bekas hambanya, kalau hambanya tidak meninggalkan waris.

Melalui hubungan sesama Islam, orang Islam yang meninggal dunia dan tidak ada ahli warisnya yang tertentu, harta peninggalannya diserahkan kepada Baitul Mal untuk kepentingan umat Islam.

Namun, Anuar Ahmad Qadri hanya menggariskan tiga perkara pertama di atas.¹³

Rukun waris itu ada tiga:

- a) Orang yang diwarisi (si mati).
- b) Orang yang mewarisi (ahli waris).
- c) Harta yang diwarisi.

Sementara syarat-syarat waris ada empat:

- a) Sah meninggalkan orang yang diwarisi.
- b) Sah orang yang diwarisi masih hidup.
- c) Mengetahui perhubungan atau pertalian mereka yang mewarisi dengan orang yang diwarisi (pertalian keluarga atau nikah atau wala').
- d) Mengenali waris sama ada lelaki atau perempuan.

Dalam pada itu ada dua perkara yang menegah ahli waris daripada mengambil hak-hak mereka:

- a) Pendindingan waris (hajab). Dari segi perkataan, ia bererti mencegah, menutup atau menghalang. Dari segi istilah diertikan sebagai halangan yang berlaku ke atas seorang atau lebih waris tertentu daripada menerima semua atau sebahagian harta kerana terdapat salah seorang atau lebih ahli waris lainnya, sama ada ia 'hirman'¹⁴ atau 'nuqsan'¹⁵.

b) Halangan kerana sebab-sebab tertentu:

- i. Anak luar nikah, kecuali ia lahir dalam tempoh yang dibenarkan oleh syarak yakni tidak kurang dari 6 bulan setelah berkahwin.
- ii. Anak 'lian' iaitu anak yang lahir dari perkahwinan yang sah tapi tidak diakui oleh suami sebagai anaknya, sedangkan ia tidak mempunyai bukti iaitu 4 orang saksi bagi membenarkan tuduhannya yang isterinya telah berzina.¹⁶
- iii. Berlainan agama pada masa kematian pewaris (orang yang diwarisi).
- iv. Murtad, bahawa mereka yang telah sabit murtad adalah dianggap sebagai mati dan tidak berhak memiliki sebarang harta. Hubungan mereka dengan keluarga yang beragama Islam terus terputus.
- v. Pembunuhan. Ini berdasarkan kepada Hadis dari Abu Hurairah dan lain-lain yang bermaksud: "pembunuh tidak akan mewarisi".
- vi. Perceraian. Cerai 'bain' menyebabkan pihak yang satu lagi tidak akan mewarisi harta peninggalan bekas pasangannya kerana sifatnya yang segera, sebaliknya bagi talak 'raj'e'.


Menurut golongan ahli Sunah, jumlah kemungkinan ahli waris dari seseorang yang meninggal dunia ialah 25 orang iaitu 15 dari pihak lelaki dan 10 dari pihak perempuan [lihat rajah 3.14(a)]. Daripada 15 ahli waris lelaki tersebut, hanya 3 orang sahaja yang betul-betul mendapat pusaka iaitu bapa, anak lelaki dan suami, manakala dari pihak perempuan ialah isteri, anak perempuan kepada anak lelaki, anak perempuan, ibu dan saudara perempuan seibu-sebapa.¹⁷ Yang lainnya terdinging dengan kehadiran mereka di atas.

Amnya, Islam telah membahagi ahli waris kepada 3 golongan iaitu, Ashabul Furud, Ahli waris Asabah dan Dhawil-Arham.

Rajah 3.14(a)

Waris Bagi Pihak Lelaki

Waris Bagi Pihak Perempuan



Petunjuk:

_____ yang berhak mendapat bahagian.

----- yang terdinding dengan kehadiran yang mendapat bahagian.

Ashabul Furud: Dari segi perkataan, 'al-furud' adalah kata jamak 'al-fard' yang bererti ketetapan atau kewajipan. Maka 'ashabul furud' bermakna mereka yang mempunyai bahagian yang ditetapkan. Mereka terdiri daripada dua belas orang iaitu sembilan ditetapkan oleh al-Quran, suami, bapa, isteri, ibu, anak perempuan, saudara perempuan seibu sebapa, saudara perempuan sebapa, saudara lelaki dan perempuan seibu.¹⁸ Tiga lagi ditetapkan oleh Hadis atau Ijmak iaitu, datuk (bapa kepada bapa), nenek (ibu kepada ibu) dan anak perempuan kepada anak lelaki¹⁹ dan mereka bersifat sebagai waris gantian umpamanya datuk menggantikan bapa, nenek menggantikan ibu dan anak perempuan kepada anak lelaki menggantikan anak lelaki.

Seterusnya, ahli-ahli waris 'ashabul furud' ini dibahagikan kepada tiga:

- a) Ahli-ahli waris utama – suami, isteri, bapa, ibu dan anak perempuan. Mereka dikatakan utama kerana mereka tidak dapat dikeluarkan dari mengambil faraid iaitu selain dari anak lelaki yang merupakan 'asabah' dalam apa keadaan jua pun.
- b) Ahli-ahli waris gantian – datuk, nenek dan anak perempuan kepada anak lelaki. Faraid mereka adalah bergantung kepada ketiadaan ahli-ahli waris utama dan umumnya, mereka juga berhak mengeluarkan semua waris yang dapat dikeluarkan oleh waris-waris utama di atas.
- c) Ahli-ahli waris sisi (hawasyi). Mereka meliputi semua waris sisi yang menjadi turunan kepada bapa seperti saudara lelaki dan perempuan seibu sebapa, sebapa atau seibu. Mereka pada umumnya boleh dikeluarkan dari mengambil harta apabila terdapat bersamanya ahli waris lelaki yang berhubungan nasab di peringkat golongan pertama dan kedua di atas.

Ada enam jenis bahagian yang ditetapkan dalam al-Quran iaitu $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{4}$, $\frac{1}{6}$, $\frac{1}{8}$, $\frac{1}{3}$ dan $\frac{2}{3}$ yang dikenakan terhadap golongan Ashabul Furud ini [lihat jadual 3.14(b)] yang tertakluk kepada wujudnya ahli-ahli waris tertentu.

Ahli waris Asabah : dalam istilah ilmu faraid, 'Asabah' bermaksud waris yang tidak , mempunyai bahagian yang tetap yang boleh menghabiskan baki harta setelah dibahagikan kepada ahli waris 'Ashabul Furud'. Mereka ini boleh dibahagikan kepada 3 golongan.²⁰

Jadual 3.14(b)

Waris Ashabul Furud Dan Fardunya

Bil	Ahli Waris	Fardu	Keadaan-keadaannya
1.	Anak perempuan	$\frac{1}{2}$	Jika seorang
		$\frac{2}{3}$	Jika berdua atau lebih
		a.b	Jika bersama anak lelaki
2.	Anak perempuan kepada anak lelaki	$\frac{1}{2}$	Jika seorang dan tiada anak perempuan
		$\frac{2}{3}$	Jika berdua atau lebih dan tiada anak perempuan
		$\frac{1}{6}$	Jika bersama dengan seorang anak perempuan dengan syarat tiada anak lelaki kepada anak lelaki
		a.b	Jika ada anak lelaki kepada anak lelaki
		tiada	Jika bersama dua anak perempuan selama tiada anak lelaki kepada anak lelaki yang boleh mengasabahkan.
3.	Saudara perempuan seibu-sebapa	$\frac{1}{2}$	Jika seorang diri dan tiada anak
		$\frac{2}{3}$	Jika dua orang atau lebih dengan syarat tiada anak
		a.b	Jika bersama saudara lelaki seibu-sebapa
		a.m	Jika bersama anak perempuan atau anak perempuan kepada anak lelaki
		tiada	Jika ada anak lelaki atau anak lelaki
4.	Suami	$\frac{1}{2}$	Jika tiada anak
		$\frac{1}{4}$	Jika bersama anak atau anak kepada anak lelaki
5.	Isteri	$\frac{1}{4}$	Jika tiada anak
		$\frac{1}{8}$	Jika bersama anak atau cucu
6		$\frac{1}{6}$	Jika ada waris lelaki seperti anak lelaki
		Asabah	Jika tiada ahli waris di atas

		1/6+ asabah	Jika bersama anak perempuan atau anak perempuan kepada anak lelaki
7.	Ibu	1/6	Jika ada anak lelaki atau anak perempuan atau anak lelaki/ perempuan kepada anak lelaki atau lebih dari seorang saudara perempuan atau lelaki seibu-sebapa/ sebapa/ seibu
		1/3	Jika tiada waris di atas
		1/3 dari baki harta	Jika bersama salah seorang suami atau isteri atau bapa (Umarriyyatan)
8.	Nenek (ibu kepada ibu atau bapa)	1/6	Jika tiada ibu
		Tiada	Jika ada ibu atau jika ada bapa
9.	Datuk (bapa kepada bapa)	Tiada	Jika ada bapa
		1/6	Jika ada anak lelaki atau anak lelaki kepada anak lelaki
		Asabah	Jika tiada waris di atas
		1/6+ asabah	Jika ada anak perempuan atau anak perempuan kepada anak lelaki.
10.	Saudara perempuan sebapa	½	Jika seorang dengan syarat tiada saudara lelaki sebapa atau saudara perempuan seibu-sebapa
		2/3	Jika dua orang atau lebih dengan syarat tiada saudara lelaki sebapa atau saudara perempuan seibu-sebapa
		1/6	Jika bersama saudara perempuan seibu-sebapa dengan syarat tiada saudara lelaki sebapa
		a.b	Jika bersama saudara lelaki sebapa
		a.m	Jika bersama anak perempuan atau anak perempuan anak lelaki
11.	Saudara perempuan seibu	1/6	Jika seorang
		1/3	Jika dua orang atau lebih
		Tiada	Jika ada anak lelaki atau anak lelaki kepada anak lelaki atau bapa atau datuk
12.	Saudara lelaki seibu	1/6	Jika seorang
		1/3	Jika dua orang atau lebih

		Tiada	Jika ada anak lelaki atau anak lelaki kepada anak lelaki atau bapa atau datuk
--	--	-------	---

Petunjuk:

a.b – asabah bighairihi.

a.m – asabah ma’a ghairihi.

Pengertian kedua-dua ini dijelaskan di muka surat-muka surat selanjutnya.

Asabah pada dirinya sendiri (Asabah binafsih), iaitu termasuk semua keluarga lelaki yang mempunyai hubungan darah dengan si mati yang tidak diselangi oleh keluarga perempuan. Umpamanya bapa, bapa kepada bapa (ke atas), anak lelaki, anak lelaki (seibu sebapa/ sebapa), anak lelaki kepada saudara lelaki, bapa saudara (sebelah bapa), anak lelaki kepada bapa saudara dan seterusnya keluarga lelaki sama ada ke bawah atau ke atas.

Asabah oleh yang lain (asabah bighairihi), terdiri daripada waris-waris ‘Ashabul Furud’ yang perempuan yang kemudiannya dengan kehadiran ahli-ahli waris lelaki yang setingkat dan bersamaan kekuatan hubungan darah akan mentaksirkan waris perempuan tersebut. Mereka ialah:

- i. Anak perempuan ditaksir oleh anak lelaki.
 - ii. Anak perempuan kepada anak lelaki akan ditaksir oleh anak lelaki kepada anak lelaki.
 - iii. Saudara perempuan seibu sebapa ditaksir oleh saudara lelaki seibu sebapa.
 - iv. Saudara perempuan sebapa ditaksir oleh saudara lelaki sebapa.
- c) Asabah bersama yang lain (Asabah ma’a ghairihi), yakni hanya melibatkan saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa sahaja. Mereka akan ditaksir bila mewarisi bersama anak perempuan atau anak perempuan kepada anak lelaki. Maka saudara perempuan tersebut akan kehilangan taraf ‘Ashabul Furudnya’ dan akan mewarisi sebagai waris ‘Asabah’ sahaja.²¹

Dhawil-arham: Ia adalah keluarga yang ada hubungan darah selain daripada waris-waris ‘Ashabul Furud’ dan ‘Asabah’. Mereka merupakan ahli waris terakhir mengambil harta selepas golongan-golongan di atas. Bagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat mengenai boleh atau tidaknya mereka mewarisi harta. Golongan pertama tidak membolehkan atas alasan tiada nas, yang dipelopori antara lainnya oleh Imam Shafie, Uthman, Malik dan Zahari. Sementara golongan kedua membolehkannya, berdasarkan surah Al-Anfal: 75 dan Al-Ahzab: 6.²² Bagaimanapun, semenjak abad 4 Hijrah, ahli-ahli Fiqh Mazhab Shafie telah membolehkannya.

Susunan keutamaan mereka adalah seperti berikut:

Turunan kepada si mati sejauh-jauhnya seperti anak kepada anak perempuan sejauh-jauhnya.

Waris garis ke atas seperti bapa kepada ibu ke atas.

Ahli-ahli waris sisi (hawasyi):

- i. Anak-anak saudara sejauh-jauhnya.
- ii. Bapa saudara dan ibu saudara serta turunannya.
- iii. Datuk saudara dan nenek saudara serta turunannya.
- iv. Bapa saudara atau ibu saudara kepada datuk dan nenek serta turunannya.

Unsur-Unsur Perwarisan Adat Perpatih

Harta Warisan.

Hukum syarak besar pengaruhnya di dalam masalah perkahwinan dan perceraian Adat Perpatih terutamanya mengenai nikah dan talak,²³ tetapi dalam masalah perwarisan dan pembahagian harta, hukum Adat Perpatih tetap bertahan terutamanya yang melibatkan harta tanah.

Secara umumnya, tujuan serta maksud hukum waris dalam adat dan Islam adalah sama yakni berfungsi sebagai kaedah-kaedah hukum yang mengatur pemindahan harta peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia kepada ahli warisnya, sama ada harta tersebut berbentuk harta benda atau tidak bersifat benda.

Terdapat tiga syarat penting yang terkandung di dalam hukum waris Adat Perpatih iaitu:

- a) Ada seseorang yang meninggal dunia.
- b) Ada ahli waris si mati.
- c) Ada harta peninggalan si mati.

Terdapat empat jenis harta dalam sistem perwarisan, iaitu:

Harta pusaka.

Harta pembawaan.

Harta dapatan.

Harta carian.²⁵

Harta pusaka: Harta yang sudah boleh dipusakai iaitu harta yang sudah jadi hak milik. Pada masa dahulu, tanda-tanda hak milik merupakan ladang atau huma yang telah ditinggalkan (bersesapan), batang padi yang sudah kering (berjerami), pokok-pokok yang telah ditebang (bertunggul) dan tanah yang telah diratakan (berpemarasan).²⁶

Adat Perpatih mengenal dua jenis harta pusaka, iaitu:

- a) Pusaka benar. Ia adalah harta kepunyaan suku dan terdiri dari tanah-tanah kampung, sawah, dusun buah-buahan dan rumah yang diwarisi dari ibu yang letaknya di atas tanah pusaka. Di negeri asal, negeri Minangkabau, ia terkenal dengan istilah pusaka tinggi dan dalam “Enakmen Pemegangan Tanah Adat 1909” di sebut Tanah Adat (Customary Land).²⁷
- b) Pusaka sendiri. Ia disebut juga sebagai Pusaka Pakaian Diri Sendiri yakni berbentuk milik perseorangan, yang diwarisi oleh anak daripada orang-orang tuanya seperti barang kemas.²⁸ Di Minangkabau, ia dikenali sebagai Pusaka Rendah dan dalam Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 disebut sebagai pusaka kecil.²⁹

Prinsip am harta pusaka ia tidak boleh dijual atau digadai seperti ditetapkan dalam hukum adat:

“ Dijual tidak dimakan beli,
Digadai tidak dimakan sandar”.

Sekiranya ada pihak yang cuba menjual atau menggadai maka persetujuan pihak-pihak tertentu harus diperolehi:

Kedim³⁰ – Kategori yang paling berkuasa, tanpa persetujuan mereka rintangan terlalu kuat (melintang).

Waris – Persetujuan mereka juga penting tetapi tidaklah sangat penting kedim, cuma ‘monongkat’, tidak begitu kuat.

Orang tua-tua (seperti Buapak) – yang berkuasa membatalkan penjualan.³¹

Tanah pusaka yang bertuan sekali-kali tidak boleh dijual.³² bagaimanapun, ia boleh digadai dalam empat soal jika terdapat permuafakatan di kalangan anggota suku:

- a) Mayat terbujur tengah rumah.
- b) Gadis bergadang tidak berlaki.
- c) Rumah gadang (rumah Adat) ketirisan.
- d) Membangkit batang berendam (upacara melantik dan mengisytiharkan Ketua Adat).³³

Mengenai tiga jenis harta yang lain, Adat Perpatih menyatakan:

Carian dibahagi,
Dapatan tinggal,
Pembawaan kembali.

Harta carian: Ia adalah harta carian laki bini, semasa mereka mendirikan rumah tangga. Ia didapati dengan cara belian dan tidak termasuk dalam kategori harta pusaka. Ianya juga boleh berasal daripada harta pembawa atau dapatan. Umpamanya

harta dapatan seekor kerbau, jika kerbau itu membiak maka anak-anak kerbau itu dikatakan carian laki bini.³⁴

Harta dapatan: Ia termasuk dalam kategori harta pusaka dan merupakan harta milik perempuan yang diwarisi dari ibunya atau waktu ia berkahwin. Termasuk di dalamnya:

Harta carian bujang – yang didapati sebelum berkahwin.

Harta carian janda – didapati sewaktu wanita itu bercerai dengan suaminya.

Harta pembawa: Ia adalah harta milik kaum lelaki yang didapati sebelum berkahwin, sama ada ia dihadiahkan³⁵ oleh ibu bapanya atau hadiah-hadiah dari keluarga sesudah berkahwin dan harta bahagiannya hasil dari pembahagian harta carian jika ia sudah beristeri sebelum itu.³⁶

Secara kesimpulannya, prinsip harta warisan ialah:

Pembawa kembali,
Dapatan tinggal,
Carian bahagi,
Mati laki tinggal ke bini,
Mati bini tinggal ke laki.

Asas Hukum Waris.

Adat Perpatih mempunyai pengertian tersendiri tentang keluarga dan perkahwinan. Dari kedua hal ini muncul ciri struktur kemasyarakatan, yang menimbulkan bentuk atau asas tersendiri dalam hukum kewarisan.

Asas Unilateral.

Yang dimaksudkan ialah hak kewarisan hanya berlaku dalam satu garis kekerabatan iaitu garis kekerabatan ibu. Ini adalah kerana sistem Adat Perpatih berpegang kepada semua hubungan kekeluargaan dan jurai keturunan adalah didasarkan kepada pihak ibu.³⁷ Termasuk di dalam garis ibu adalah ibu, anak-anak perempuan, anak-anak lelaki, cucu perempuan, cucu lelaki dan seterusnya. Pihak ibu merupakan pengasas keluarga. Dalam susunan keluarga seperti ini, seorang perempuan dikehendaki berkahwin dengan lelaki di luar dari sukunya (eksogami), dengan ini kedudukan ayah atau suami tidak begitu penting.³⁸ Akan tetapi, hak dan urusan pentadbiran keluarga masih terletak kepada saudara lelaki.

Tetapi dalam waktu kini, prinsip unilateral telah bergerak ke arah kewarisan bilateral. Ini kerana orang Semenda³⁹ tidak lagi dianggap sebagai tetamu tetapi sebagai kepala dalam lingkungan keluarganya kerana telah menetap dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap anak isteri. Tambahan lagi melalui harta yang dibawa oleh suami itu sendiri (harta pembawa) mewujudkan hubungan kewarisan ayah anak.⁴⁰

Asas Kolektif.

Asas ini bererti bahawa pihak yang berhak ke atas harta pusaka bukanlah orang perseorangan, tetapi suatu kelompok secara bersama-sama. Ini bermakna, walaupun perempuan yang berhak terhadap harta yang diwarisi tetapi mereka hanya mempunyai hak pakai.

Ahli-ahli suku diibaratkan sebagai “Bak telur sesangkar, pecah sebiji, pecah semuanya”. Oleh kerana itu, segala peraturan yang mengenai seseorang ditujukan kepada memelihara keseluruhan suku. Menurut Ahmad Ibrahim;

“.....the social unit is not the family but the tribe.....and all rules affecting property are designed to conserve the property for the tribe”.⁴¹

E.N. Taylor menyatakan:

“All ancestral property belongs to the tribe; it rests in the female members but they hold it as trustees for their tribe rather than owner”.⁴²

Oleh kerana Adat Perpatih memakai sistem kewarisan kolektif, maka harta diletakkan dalam suku dan tidak dalam perseorangan .

Ahmad Ibrahim menyatakan:

“From the principle that the matrilineal tribe is the social unit, four cardinal principles of distribution have been deduced:

- i. All property rests the tribe, not in the individual.
- ii. Acquired property, once inherited becomes ancestral.
- iii. All ancestral property rests in the female members of the tribe.
- iv. All ancestral property is strictly entailed, entrusted in tail female”.⁴³

Dengan ini, asas kolektif bertujuan untuk:

Menjaga keharmonian dalam keluarga. Ini adalah kerana pembahagian harta tidak selamanya memuaskan semua pihak dan akan timbul perasaan hasab dengki. Oleh itu asas kolektif ini akan mereda dan mengikis perasaan tersebut.

Menjaga keutuhan harta. Dengan ini, pengaliran harta ke luar suku sukar berlaku kerana asas kolektif ini memberikan hak kepada semua ahli kaum untuk mengawalinya.

3. Ahli Waris.

Pengertian ahli waris di dalam adat adalah orang-orang yang berhak meneruskan peranan dalam pengurusan harta pusaka. Kematian seseorang menyebabkan kembalinya harta itu kepada kaum, kemudian pengolahannya diteruskan oleh orang lain yang disebut sebagai waris dalam pengertian adat.

Waris-warisan yang sah kepada harta pusaka si mati jatuh kepada anak-anak si mati dari keturunan mereka yang perempuan. Dan jika tiada keturunan perempuan, maka harta itu berpindah kepada keturunan perempuan dari moyang yang terdekat. Sungguhpun, adat memberi harta kepada anak perempuan namun dalam tiadanya perempuan-perempuan (ahli waris yang berhak dari segi adat), maka hak pakai seumur hidup (life-occupancy) diberikan kepada anak lelaki. Dengan ini prinsip yang terdekat mengecualikan yang jauh terpakai seperti anak lelaki menghalang bapa saudara sebelah ibu.⁴⁴

Oleh kerana hubungan di kalangan keluarga adalah dikira dari pihak ibu atau perut ibu, kemudian digalakkan senak ibu jika emak-emak ibu adalah bersaudara atau sanak moyang bila nenek-nenek moyang mereka bersaudara, maka dapat disimpulkan bahawa, susunan ahli waris adalah seperti berikut:

- a) Semua ahli waris perempuan yang diiktiraf oleh adat yang berasal dari perut yang sama, dan kemudian,
- b) Anak lelaki jika ada tapi hanya terhadap hak pakai kerana selepas ia mati, harta dikembalikan kepada suku.⁴⁵

Bagaimanapun, pihak lelaki tersebut tidaklah tergolong dalam erti kata ahli waris sebenar dari adat, namun mereka boleh mengambil benda-benda peribadi ayahnya seperti seluar, baju, keris dan yang tiada gunanya kepada perempuan,⁴⁶ yang dinamakan 'cenderung mata' untuk kenang-kenangan. Malah ia mempunyai hak kepada hasil tanah pusaka yang mungkin ia sendiri tanam atau tanaman ibu bapa.

Dari segi harta carian bujang seorang lelaki yang meninggal dunia, warisnya adalah keluarga perempuan yang terdekat. Sementara, saudara perempuan menjadi waris kepada saudara lelakinya dan anak perempuan waris kepada ibunya dalam hal harta pembawa atau dapatan. Bagi carian laki bini pula, waris si mati adalah suami atau isteri atau anak.⁴⁷

Adat juga mengiktiraf akan anak angkat yang diberi nama mengkedimkan budak,⁴⁸ dan ini memberi kesan terhadap hak waris anak angkat. Mengikut Seksyen 24(d) Akta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955⁴⁹ seorang Pemungut Hasil Tanah boleh memberi hak perwarisan kepada mereka.

Akan tetapi, biarpun terdapat prinsip umum iaitu anak lelaki tidak berhak terhadap harta, tapi jika harta tersebut tidak termasuk di dalam kategori yang dinyatakan dalam 'Enakmen Pemegangan Tanah Adat 1909', maka anak lelaki mahupun perempuan berhak kepada bahagian yang sama rata.⁵⁰

Cara Perwarisan.

Apa yang dimaksudkan dengan cara perwarisan di dalam Adat Perpatih adalah proses peralihan harta dari si mati kepada ahli waris.

Harta pusaka: Harta ini menjadi hak milik mutlak bagi kaum perempuan. Biasanya sebuah rumah hanya didiami oleh seorang ibu bersama anak-anaknya dan harta tersebut berada di bawah pengurusan ibu itu. Bila si ibu meninggal, harta pusaka itu jatuh kepada anak-anak perempuan dan ia dibantu oleh saudara lelakinya dalam menguruskan harta tersebut dan biasanya Cuma anak perempuan yang bongsu yang biasanya diwariskan tanah pusaka yang mengandungi rumah kediaman.⁵¹ Jika keluarga itu tiada anak perempuan maka harta pusaka jatuh kepada waris perempuan yang terdekat kepadanya seperti saudara perempuan atau anak saudara perempuan. Jika tiada juga, maka harta itu berpindah kepada saudara perempuan di dalam suku, walaupun saudara jauh.⁵² Anak lelaki hanya mempunyai hak pakai selama hidupnya seperti yang telah diterangkan sebelum ini.

Jika timbul keadaan yang disebut 'pusaka tergantung'⁵³ maka anak lelaki akan menyembahkannya kepada 'undang' untuk dilelong. Dalam lelongan ini, anggota-anggota suku itu sendiri diberi keutamaan sebelum dibuka kepada orang ramai dan hasilnya akan diberi kepada anak-anak lelaki si mati atau abang atau bapa saudaranya mengikut keadaan.

Harta pembawa: Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, harta ini adalah harta lelaki yang didapati sebelum berkahwin dengan isterinya yang didapatinya melalui beberapa cara. Bila ia meninggal, maka perbilangan adat menyatakan:

Bawaan kembali,
Dapatan tinggal.

Umumnya, harta ini didapati semasa ia berada di dalam suku asalnya, maka apabila ia meninggal, maka harta ini akan kembali kepada waris perempuan suku asalnya itu. Hasil pemakaian prinsip ini maka timbullah konflik atau perbalahan antara anak dengan saudara-saudara di sebelah bapanya, kerana:

- a) Oleh kerana telah lama harta diusahakan oleh keluarganya, maka si anak beranggapan bahawa harta itu adalah harta ayahnya.
- b) Oleh kerana kedudukan ayah yang menguasai harta tersebut, maka anak menyatakan bahawa harta tersebut telah dihebahkan oleh ayahnya.

Walau bagaimanapun, biar apa pun alasan yang diberi oleh anak, prinsip adat 'bawaan kembali' tetap terpakai. Dalam keadaan bila si isteri meninggal, si suami pulang ke suku asalnya bersama-sama dengan harta bawaan tersebut.

Harta dapatan: Ia merupakan harta yang telah ada pada isteri sebelum ia berkahwin sama ada ia adalah harta pusaka yang diwarisi atau harta hasil usahanya sendiri. Bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan terhadap kedua-dua jenis harta yang didapatinya di atas, iaitu harta hasil usahanya sendiri adalah untuk anak-anaknya sedangkan harta pusaka, di samping wujud hak-hak anak-anaknya, juga wujud hak

saudara-saudaranya kerana harta itu diterima bersama dengan saudaranya. Sama ada isteri atau suami meninggal, harta tersebut tidak akan dapat beralih keluar dari suku isteri tersebut kerana suami hanya mengusahakan harta tersebut.

Harta carian (sepencarian): Ini adalah harta yang didapati oleh suami isteri selama ikatan perkahwinan, sumbernya pula mungkin berasal daripada harta pembawa atau harta dapatan.⁵⁴

Cara perwarisannya ditentukan umumnya melalui tiga cara:

- a) Jika suami atau isteri mati tanpa meninggalkan anak maka balu (suami atau isteri) mewarisi harta tersebut.
- b) Jika suami mati meninggalkan anak, maka harta jatuh kepada isteri dan anak.
- c) Jika isteri mati meninggalkan anak, harta jatuh pada suami dan anak.

Kematian mana-mana balu tersebut maka harta tersebut akan jatuh kepada anak-anaknya. Apabila harta ini jatuh kepada anak-anak maka wujudlah asas perwarisan individual di mana ia dapat diberi kepada setiap orang anak.

Perbandingan

Undang-undang warisan pusaka Islam dan Adat Perpatih diamalkan secara serentak di dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih amnya. Maka sudah pastilah timbul beberapa perkara pertembungan antara kedua-duanya, lebih-lebih lagi dalam hal perwarisan tersebut.

Islam telah menghapuskan sistem pengambilan anak angkat dan oleh itu tidak mengenal langsung praktik adat dan tidak mengakuinya. Tetapi menurut Adat Perpatih “kedim” atau pengambilan anak angkat adalah diakui. Sungguhpun istiadat dan caranya adalah agak berbeza antara satu suku dengan suku yang lain, namun kesan dari sistem ini adalah sama saja. Umpamanya, kebanyakan anggota ahli Adat Perpatih bersetuju bahawa seorang anak angkat adalah mempunyai hak-hak yang sama sebagaimana anak sebenar, selagi persetujuan waris dan kerelaan lembaga boleh didapati. Dalam kes Kiah lawan Amah⁵⁵ telah diputuskan bahawa jika seseorang anak angkat diambil, ia juga berhak mewarisi harta ibu angkatnya.

Berhubung dengan wasiat, menurut undang-undang Islam, seseorang Islam yang telah mencukupi syarat-syarat yang membolehkannya membuat wasiat, maka wasiat sah dibuat dengan tidak melebihi sepertiga ($\frac{1}{3}$) harta. Tetapi mengikut Adat Perpatih, seseorang itu tidak dalam sebarang keadaan membuat wasiat dari hartanya. Kalau dibuat juga, maka wasiat tidak sah menurut pandangan adat dan mengakibatkan waris-warisnya berhak untuk mengambil balik semua harta. Ini boleh dilihat dalam kes Re Dato’ ngiang Kulop Kidal dec,⁵⁶ di mana seseorang yang tertakluk kepada adat ‘matriarchal’ tidak boleh membuat wasiat.

Adat telah mengiktiraf sejenis harta yang masih menjadi persoalan dan tanda tanya sama ada harta ini wujud di dalam Islam atau tidak. Ia adalah harta sepencarian. Bagaimanapun, seorang penulis, Md. Akhib bin Yaakob telah mengupas dan

membuat kesimpulan bahawa harta sepencarian tidak bertentangan dengan Islam sebab kedua-dua suami isteri adalah bekerja dan setiap mereka harus mendapat ganjaran dan ianya juga tidak jauh larinya dari peruntukan 'Syarikatul Abdan' dalam mazhab-mazhab Maliki, Hambali mahupun Hanafi.⁵⁷

Akan tetapi, perkara yang nampak jelas akan perbezaan antara Islam dan adat adalah dalam hal ahli waris. Di dalam Islam, ahli waris telah ditentukan melalui ketetapan-ketetapan ayat-ayat al-Quran surah An-Nisa': 7, 11, 12 dan 176 dan juga melalui hadis-hadis dan ijmak. Namun, di dalam Adat Perpatih, ketentuan dan ketetapan telah dibuat iaitu hanya anak perempuan atau garis kerabat perempuan sahaja yang berhak mendapat waris. Kelonggaran hanya terdapat di dalam hal perwarisan harta sepencarian, di mana anak lelaki dan perempuan mewarisi sama rata.

Bagaimanapun dari segi perwarisan harta pusaka kecil yang dirangkumi oleh Akta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 yang terutamanya ditujukan kepada kebun-kebun getah, Mohd Din bin Ali menyatakan:

"Thus while customary lands are divided among the females per-capita, the non-accordingly to Islamic law under which the share of the male is equivalent to twice that of the female".⁵⁸

Oleh itu terdapat juga pemakaian prinsip Islam dalam perwarisan Adat Perpatih.

Adat Perpatih lebih mementingkan suku sebagai satu unit sosial, lantas dengan itu wujudlah asas kewarisan kolektif yang menyebabkan harta tidak boleh dibawa keluar dari kawasan suku. Namun, di dalam Islam, wujudnya institusi Baitul-Mal yang bertindak sebagai penerima harta si mati apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Islam. Ia berfungsi untuk manfaat seluruh umat Islam tanpa mengenal bangsa atau suku.

Seperkara lagi, Adat Perpatih mengakui bahawa adat adalah mengikut hukum Allah. Ini dapat dilihat melalui perbilangan adat:

Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan Kitabullah.

Akan tetapi apa yang jelasnya, dalam hal perwarisan, masyarakat Adat Perpatih meninggalkan hukum Allah dan sebaliknya mengikut amalan adat.

Nota Rujukan.

1a. Sheikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1985, hal. 180.

1b. Surah An-Nisa: 11 bermaksud:

“ Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta Pesaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka pembahagiannya ialah seperdua (separuh harta itu). Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (pembahagian harta Pesaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi bijaksana”. Ibid, hal. 181-182.

2. Ijmak sarih bermaksud persetujuan yang diberikan secara nyata di dalam sesuatu majlis, sedangkan ijmak suku di mana ahlinya diam sebagai tanda persetujuan.

3. Surah An-Nisa: 176 bermaksud:

“ Mereka (orang-orang Islam umat kamu) meminta fatwa kepada kamu (wahai Muhammad, mengenai masalah kalalah). Katakanlah: “Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara kalalah itu, iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

Sheikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan Ar. Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, op. cit, hal. 240.

4. Dr. Amir Syarifuddin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, gunung Agung, Jakarta, 1984, hal. 21.

5. Surah An-Nisa: 13 bermaksud:

“ Segala hukum yang tersebut adalah batas-batas (syariat) Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan rasulnya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam Syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar”.

Sementara ayat 14 pula bermaksud:

“ Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan rasulnya, dan melampaui batas-batas SyariatNya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekallah ia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghina”.

Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, op. cit, hal. 183-184.

6. Perkara ini dinyatakan dalam Surah An-Nisa: yang bermaksud:

“ Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akal nya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu perniagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik”. Ibid, hal. 179.

7. Dr. Amir Syarifuddin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, op. cit, hal. 53.
8. Jamal J. Nasir, The Islamic Law of Personal Status, Graham & Trotman, London, 1986, hal. 202.
9. Ibid, hal. 202-203.
10. Anwar Ahmad Qadri, Islamic Jurisprudence In The Modern World, S.H. Muhammad Ashraf, Lahore, 1981, hal. 425.
11. Mahiudin Abu Zakaria Yahya Ibn Sharif En-Nawawi, Minhaj Et-Talibin, Law Publishing Co. Lahore, 1977, hal. 246.
12. Dr. H. Abdullah Siddik S.H. Hukum Waris Islam Dan Perkembangannya Di Seluruh Dunia Islam, Penerbit Widjaya, Jakarta, 1984, hal. 48.
13. Anwar Ahmad Qadri, Islamic Jurisprudence In The Modern World, op. cit, hal. 424-425.
14. ‘Hirman’ bermaksud penafian terus menyebabkan waris itu sama ada ianya dari golongan ‘ashabul-furud’ atau ‘asabah’ dianggap sebagai tidak wujud dalam pembahagian harta dan oleh kerana itu harta akan terus dibahagikan kepada waris yang berhak. Umpamanya, anak lelaki atau anak perempuan kepada anak lelaki yang lebih dekat akan mendinding anak perempuan kepada anak lelaki sejauh-

jauhnya. Lihat Abdul Rashid Hj. Latif, *Hukum Pusaka Dalam Islam*. Satu Kajian Perbandingan, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, 1987, hal. 26-29.

15. 'Nuqsan' bermaksud pengurangan bahagian harta yang diterima oleh ahli waris yang mengambil dua bahagian iaitu bahagian yang banyak dan sedikit. Umpamanya, faraid suami sebanyak $\frac{1}{2}$ akan menjadi $\frac{1}{4}$ bila ada anak atau anak kepada anak lelaki.
16. kedudukannya sama dengan anak luar nikah iaitu anak tidak berbapa dan tiada hubungan dengan bapa tetapi berhubungan dan saling waris-mewarisi dengan ibunya dan keluarga sebelah ibu sahaja.
17. Dr. S.H. Abdullah Siddik H. *Hukum Waris Islam Dan Perkembangannya Di Seluruh Dunia*, op. cit, hal. 50-51.
18. Bagi kedudukan bapa, anak perempuan, saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa ditentukan oleh Surah An-Nisa: Lihat nota rujukan 1b. Sementara kedudukan suami, isteri, ibu, saudara lelaki seibu dan saudara perempuan seibu dinyatakan dalam Surah An-Nisa: 12 yang bermaksud:

“ Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tapi jika mereka mempunyai anak maka kamu peroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayar hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-warisi). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyabar”.

Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, op. cit, hal. 182-183.

19. Mengenai bahagian datuk ditentukan melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imran bin Husin bahawa ada seorang lelaki datang menanyakan Rasulullah s.a.w. mengenai bahagian pusakanya atas harta cucunya yang meninggal, lalu Rasulullah s.a.w. menjawab: “ bahawa bahagiannya adalah $\frac{1}{6}$ ”. Dan apabila lelaki itu beredar, dipanggilnya dengan berkata: “bahawa bagi kamu $\frac{1}{6}$ bahagian lagi” dan apabila lelaki itu beredar maka dipanggilnya pula sambil berkata: “ bahawa $\frac{1}{6}$ itu adalah sebagai rezeki kamu”.

Bahagian nenek adalah berdasar kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Uqaimah bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri pernah membahagikan kepada tiga orang nenek iaitu dua di sebelah bapa dan seorang di sebelah ibu dengan faraid sebanyak $\frac{1}{6}$. Sementara bahagian anak perempuan kepada anak lelaki berdasarkan hadis riwayat al-Huzail bin Syrahbil bahawa Abdullah telah memutuskan (masalah faraid) berdasarkan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. iaitu dengan membahagikan kepada masing-masing anak perempuan sebanyak $\frac{1}{2}$ dan cucu perempuan sebanyak $\frac{1}{6}$ sebagai menggenapkan (bahagian anak-anak perempuan) $\frac{2}{3}$ bahagian dan saudara perempuan mengambil bakinya.

Hadis-hadis di atas dipetik daripada Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff, Hukum Pusaka Dalam Islam Satu Kajian Perbandingan, op. cit, hal. 6, 9 dan 15.

20. Mereka ini adalah ahli-ahli waris kerana perhubungan darah (asabah nasabiyyah), sedangkan ahli-ahli waris kerana sebab (asabah sababiyyah) yang hanya timbul ke atas diri orang yang memerdekakan hambanya adalah dikecualikan kerana perhambaan tidak lagi wujud pada masa sekarang.
21. ini berdasar kepada hadis riwayat Ibn Mas'ud bahawa Rasulullah s.a.w. telah membahagikan kepada anak perempuan sebanyak $\frac{1}{2}$, anak perempuan kepada anak lelaki $\frac{1}{6}$ dan bakinya untuk saudara perempuan.

22. Surah al-Anfahl: 75 yang bermaksud:

“.....orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak atas setengahnya yang lain,....”

Surah Al-Ahzab: 6 yang bermaksud:

“.....dan orang-orang yang mempunyai talian kerabat, setengahnya lebih berhak (mewarisi) akan setengahnya yang lain – menurut (hukum) kitab Allah....”

Lihat Sheikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, op. cit, hal. 423 dan 1099.

23. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hal. 115.
24. Sebagaimana di dalam Islam, Islam mengiktiraf perwarisan hak (harta yang tidak bersifat benda). Oleh itu, mungkin apa yang dimaksudkan sebagai harta yang tidak bersifat benda itu merupakan hak seperti hak Ismen.
25. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu Publication, 1976, Kuala Lumpur, hal. 112.
26. Ibid, hal. 113.
27. Lihat Seksyen 2(1) Enakmen ini.

28. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, op. cit, hal. 147. Lihat juga Ismail Hamid, Masyarakat Dan Budaya Melayu, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hal. 107-108.
29. Lihat Seksyen 3(2) – selalunya ia merupakan harta boleh alih yang bernilai tidak lebih daripada \$600,000.
30. Ia bermakna saudara (semua anggota suku itu berkedim) sama ada ia kedim dekat (anggota keluarga yang dekat dari nisab ibu yang boleh memberi kata pemutus dalam sesuatu hal) atau kedim jauh.
31. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, op. cit, hal. 114.
32. Ibid, hal. 114.
33. Keempat-empat tersebut melibatkan maruah suku. Kalau ada suku-suku yang mengabaikannya, bermakna tidak ada maruah lagi.
34. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, op. cit, hal. 118.
35. Apa yang dimaksudkan sebagai dihadiahkan tersebut adalah harta yang diwarisi dari kedua ibu bapanya.
36. Segala harta pembawa mesti diberitahu atau diisytiharkan waktu berkahwin dan apabila matinya isteri permohonan untuk pemulangannya dibuat pada kenduri 'meratus hari'.
37. Ismail Hamid, Masyarakat Dan Budaya Melayu, op. cit, hal. 104.
38. Walaupun perempuan diberikan kedudukan tertinggi namun dalam pelaksanaan kuasa, ia masih dimanipulasi oleh saudara lelaki dan walaupun seorang suami kehilangan kuasa dalam keluarganya namun ia mempertahankan haknya ke atas saudara perempuan dan anak-anaknya.
39. Orang Semenda bermaksud suami yang daripada suku lain berkahwin dengan isterinya daripada suku yang lain.
40. Dr. Amir Syarifuddin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, op. cit, hal. 233.
41. Ahmad Ibrahim, The Distribution of Estates According To Shafie Law, Malayan Law journal Pte. Ltd, Singapore, 1976, hal. 10.
42. E.N. Taylor, Customary Law Of Rembau, Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society, Vol VII, 1929, hal. 31.
43. Ahmad Ibrahim, The Distribution of Estates According To Shafie Law, op. cit, hal. 10.

44. Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1982, hal. 77.
45. Ini adalah berasaskan kepada ketentuan adat bahawa lelaki sekali-kali tidak mewarisi harta pusaka benar, oleh kerana itu selepas lelaki mati maka (ketiadaan waris perempuan) pupuslah juga keluarga matrilineal tersebut di mana perempuan itu sebagai penyambungunya.
46. Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, op. cit, hal. 115.
47. Ini Berasas kepada perbilangan adat:

Carian bahagi,
Mati laki, tinggal ke bini,
Mati bini, tinggal ke laki.
48. Biasanya, ia merupakan budak dari luar suku yang diambil dengan keizinan suku isterinya maka terputus hubungan dengan suku asalnya dan tidak boleh berkahwin dengan suku asalnya. Ini merupakan perkara biasa sewaktu negeri mula-mula dibuka dengan tujuan untuk menambah bilangan penduduk. Namun pemakaiannya sekarang adalah diragui.
49. Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) No. 98/ 1955.
50. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia, op. cit, hal. 154.
51. Ismail Hamid, Masyarakat Dan Budaya Melayu, op. cit, hal. 107.
52. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, op. cit, hal. 113.
53. Ini bermaksud di mana sesuatu suku itu sudah punah yakni ketiadaan perempuan untuk menyambung akan pengurusan harta dan harta tak dapat diturunkan kepada sesiapa. Namun hal ini amat tipis peluangnya untuk terjadi.
54. Dr. Amir Syarifuddin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, op. cit, hal. 248.
55. E.N. Taylor, Customary Law of Rembau, op. cit, hal. 253.
56. Ibid, hal. 92.
57. Untuk pembacaan lanjut, sila rujuk Md. Akhir bin Hj. Yaakob, Harta Sepencarian, Jurnal hukum, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, Muharram 1405/ Sept. 1984, Kuala Lumpur, hal. 36-54.
58. Haji Mohd Din bin Ali, Malay Customary Law/ Family, Intisari, Malaysia Sociological Research Institute, Singapura, 1963, Jil. II, No. 4, hal. 39.

Senarai Rujukan

Buku

A.Monif Yaakob, Sejarah Perundangan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988.

Abdullah Siddik, Dr. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975.

Abdul Rahim M.A. The Principles of Muhammadan Jurisprudence According To Hanafi, Maliki, Shafie And Hambali Schools. Lahore: All Pakistan Legal Decisions, 1975.

Abdul Rashid Hj Abdul Latiff. Hukum Pusaka Dalam Islam, Satu Kajian Perbandingan. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1987.

Ahmad Amin, Dr. Fajar Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980.

Ahmad Ibrahim. Islamic Law In Malaya. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute Ltd, 1975.

Shafie Law. Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd, 1976.

Amir Syariffuddin, Dr. Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau. Jakarta: Gunung Agung, 1984.

A.R. Biswas, Dr. Biswas Encyclopedia Law Dictionary. Calcutta: Debooks Eastern Law House, 1979.

Black, Henry Campbell. Black's Law Dictionary. St. Paul Minn: West Publishing Co, 1979.

Curzon L.B. A Dictionary Of Law. London: Macdonald And Evans, 1979.

Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kamus Dwibahasa Inggeris-Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1985.

Elias, A. Elias & Ed. E. Elias. Elias' Modern Dictionary, Arabic-English. Cairo: Elias' Modern Publishing House & Co. 1986.

Ely. R.T. Property And Contract In Their Relations to The Distributions of Wealth. London: Mac Millan, 1914.

H. Abdullah Siddik S.H. Dr. hukum Waris Islam Dan Perkembangannya Di Seluruh Dunia Islam. Jakarta: Penerbitan Widjaya, 1984.

Hailsham of St. Marylebone, Lord. *Halbury's Laws of England*. London: Butterworth's, 1975.

Hamilton, Walton. *Property, Encyclopedia of The Social Sciences*. New York: Mac Millan, 1933.

Hollowell, Peter. *Property And Social Relations*. London: Heneman, 1982.

Hooker, M.B. *Adat And Islam In Malaya, Malaya Law Review Legal Essays*. Kuala Lumpur: Malaya Law Review, 1975.

Hooker, M.B. *Islamic Law In South East-Asia*. Oxford: Oxford University Press, 1984.

Ismail Hamid. *Masyarakat Dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988.

Jamal J. Nasir. *The Islamic Law Of Personal Status*. London: Graham & Trotman, 1986.

K. Ali M.A. Prof. *A Study Of Islamic History*. Calcutta: Mullick Brothers, 1974.

K.J. Aiyer's. *Manual Of Law Terms And Phrases*. Allahabad: Law Book Co. 1973.

Lewis, Bernard. *The Arabs In History*. London: Hutchinson University Library, 1970.

Lloyd, P.C. *Yoruba Land Law*. London:....., 1962.

Mahiudin Abu Zakaria Yahya Ibn Sharif En-Nawawi. *Minhaj Et-Taliban*. Lahore: Law Publishing Co. 1977.

Mergary, Robert, Sir And H.W.R. wade. *The Law Of Real Property*. London: Stevens & Sons Ltd, 1984.

Mohd Ridzuan Awang, *Konsep Undang-Undang Tanah Islam, Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1987.

Mohd Sanusi B. Hj. Mahmood, Hj. *Undang-Undang Keluarga Dalam Islam*. Kota Bharu, Kelantan: Dian Darul Nain Sdn. Bhd. 1984.

Mokhtar b. Hj. Mohd Dom, Hj. *Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Federal Publications, 1977.

Osborn P.G. *A Concise Law Dictionary*. London: Sweet & Maxwell, 1983.

Othman Ishak. *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982.

Sihombing, Judith. National Land Code, A Commentary. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 1981.

Sood, Teo Keang, Khaw Lake Tee. Land Law In Malaysia Cases And Commentary. Singapore: Butterworth's And Co. (Asia) Pte. Ltd. 1981.

Syed Khalid Rashid. Muslim Law. Lucknow: Eastern Book Co. 1979.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, 1985.

Jurnal

Manring T.A. "National Integration And Legal Systems: Malaysia". Malaya Law Review, 20 (1968), hal. 29-54.

Md. Akhir Bin Hj. Yaakob. "Harta Sepencarian". Jurnal Hukum, (Muharram 1405/ September 1984), hal. 36-60.

Minnattur, Joseph. "The Nature Of Malay Customary Law". Malaya Law Review, 6 (1964), hal. 327-352.

Mohd Din bin Ali, hj. "Malay Customary Law/ Family". Intisari, II (1963).

Salleh Abbas, Tun. "Perlaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia". Jurnal Hukum, (Rejab 1404/ April 1984), hal. 143-148.

Taylor En.N. "Customary Law Of Rembau", Journal Of Malayan Branch Royal Asiatic Society, VII (1928), hal. 1-289.

Akhbar

Berita Minggu, Ahad 28 Januari, 1990.

Kertas Kerja Seminar

Hj. Taha Abdul Kadir, Prof. Madya. "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih". Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih, Universeiti Kebangsaan Malaysia, (17-18 September 1988).